

# Belanjawan 2026 kerangka mendepani ribut ekonomi, tarif AS

• Asas ekonomi negara masih kekal kukuh dan dengan strategi serta dasar diletakkan di bawah belanjawan kali ini, ekonomi negara dijangka kekal utuh dan berdaya tahan

• Kesan pengganda kepada ekonomi negara juga agak signifikan, seperti dapat dilihat pada anggaran awal KDNK negara pada suku ketiga tahun ini



Felo Bersekutu Kanan, Institut Dasar Ekonomi Dan Kewangan (ECOFI), Universiti Utara Malaysia

Oleh Prof Madya Dr Irwan Shah Zainal Abidin  
bhrencana@bh.com.my

Satu kekuatan penting dalam Belanjawan 2026 adalah usaha kerajaan meletakkan asas kukuh untuk mempersiapkan negara dengan ekonomi masa depan iaitu kecerdasan buatan (AI), ekonomi digital, ekonomi hijau dan (PERK) ekonomi asas yang baik dan menyeluruh.

Pelbagai pendekatan dan inisiatif baharu diperkenalkan, sejajar cabaran semasa yang sangat berbeza dengan keadaan sebelum ini.

Penekanan kepada sektor pelancongan, industri kreatif, ekonomi maritim, industri berasaskan masyarakat menua,

tumpuan kepada sektor pendidikan dan kesihatan, usaha memperkukuhkan ekonomi rakyat dan modal berpaksaan kepada penjagaan alam sekitar, adalah panji utama dalam belanjawan kali ini.

Reformasi perlindungan sosial, meningkatkan kapasiti rakyat, terutama generasi muda, membantu industri perniagaan mikro, kecil dan sederhana (PMKS), selain usaha mencipta peluang pekerjaan berpendapatan tinggi dan mengurangkan kesenjangan pembangunan wilayah adalah usaha segar kerajaan memfokus kepada isu dan masalah rakyat.

Pengurusan fiskal berhemat dengan nilai defisit berada pada trend menurun adalah bukti kepada iltizam kerajaan berbelanja secara berhati-hati dengan tatakelola yang baik.

Belanjawan 2026 juga mempersiapkan ekonomi negara untuk berdepan dengan cabaran ekonomi global akibat ketidakpastian tarif dikenakan Amerika Syarikat (AS), begitu juga dengan peralihan perubahan dalam orde dunia ketika ini.

Malaysia dilihat ke hadapan dalam aspek ini, yang mana ketidakpastian tarif AS dapat diredukan dan hala tuju baharu sudah pun direncanakan dengan posisi jelas dalam aspek geopolitik dan hubungan perdagangan antarabangsa.

Dalam keadaan tidak menentu ini, dengan pel-

bagai andaian daripada ahli ekonomi menyatakan ekonomi Malaysia hanya akan berkembang pada sekitar 4.0 hingga 4.3 peratus pada suku ketiga tahun ini, anggaran awal Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) oleh Jabatan Perangkaan, menunjukkan ekonomi Malaysia berkembang melebihi jangkaan, iaitu diunjur pada kadar 5.2 peratus.

Ini menunjukkan asas ekonomi negara masih kekal kukuh dan dengan strategi serta dasar yang diletakkan di bawah belanjawan kali ini, ekonomi negara dijangka kekal utuh dan berdaya tahan dalam mendepani cabaran global pada tahun hadapan.

Beberapa idea menarik diperkenalkan dalam belanjawan kali ini. Pertama, berkait dengan elemen sejagat dalam pemberian bantuan kepada rakyat melalui program Sumbangan Asas Rahmah (SARA) ataupun SARA untuk semua.

## Seluruh rakyat mendapat manfaat

Walaupun nilainya hanya RM100, namun idea di sebalik inisiatif ini adalah sangat baik kerana mempunyai elemen sejagat dan pada masa sama bersasar. Dalam aspek ini sebenarnya, tidak salah mengatakan seluruh rakyat mendapat manfaat daripada belanjawan kali ini tanpa ada yang dipinggirkan.

Kesan pengganda kepada ekonomi negara juga agak signifikan, seperti dapat dilihat pada anggaran awal KDNK negara pada suku ketiga tahun ini.

Idea ini diteruskan apabila kerajaan melaksanakan subsidi bersasar RON95 ataupun BUDI95, yang mana semua rakyat mendapat manfaat daripada pengurangan harga minyak yang dijanjikan sebelum ini.

Sejajar dengan tema Rancangan Malaysia Ke-13 (RMK13), iaitu Melakar Semula Pembangunan, belanjawan kali ini menumpukan kepada pembangunan dalam erti kata sebenar, menumpukan aspek pembinaan sesebuah tamadun dan negara bangsa, iaitu aspek budaya, sejarah dan Khazanah.

Ini dapat dilihat melalui seputusan Khazanah Nasional Berhad (Khazanah) untuk melabur sebanyak RM600 juta bagi tujuan pemuliharaan bangunan warisan Carcosa Seri Negara.

Bukan bangunan itu sahaja, ia juga membabit-

kan pembangunan dan pemuliharaan kawasan sekitarnya, melambangkan identiti dan warisan sejarah kita.

Inilah 'roh' Kuala Lumpur perlu dibugarkan kembali akibat pembangunan lebih tertumpu kepada proses modenisasi melampau pada masa lepas. Dan ia tidak terhenti di situ. Melalui pemerkasaan ekonomi Jingga atau ekonomi kreatif, budaya, sejarah dan warisan kita boleh dieksport ke luar negara yang berpotensi memberikan pulangan lumayan kepada ekonomi negara pada masa hadapan. Lihat sahaja impak positif industri K-Pop kepada ekonomi Korea Selatan.

Satu daripada aspek menarik dalam Belanjawan 2026 berkait peralihan kepada ekonomi berasaskan nilai dan juga penumpuan kepada pertumbuhan dan nilai tinggi (HGHV) adalah pengenalan kepada Kerangka Insentif Baharu Berasaskan Keberhasilan, selaras dengan Pelan Induk Perindustrian Baharu (NIMP 2030).

Dalam erti kata mudah, kerangka ini memastikan segala bentuk pelaburan dilakukan akan mendapat manfaat secara langsung kepada rakyat, seperti menyediakan peluang pekerjaan berpendapatan tinggi, memberi manfaat kepada PMKS tempatan, mengurangkan jurang ekonomi antara kawasan dan adanya peningkatan dalam perbelanjaan penyelidikan dan pembangunan (R&D).

Insentif ini perlu dilihat bersekali dengan pemerkasaan program Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET), yang mendapat peruntukan RM7.9 bilion dalam belanjawan kali ini.

Perkara pokok dalam aspek TVET ini adalah usaha kerajaan memperkukuh tenaga kerja berkemahiran tinggi yang sangat diperlukan dalam pasaran buruh, terutama di kawasan luar bandar.

Aspek pembangunan bakat, peningkatan produktiviti, pengurangan kebergantungan kepada buruh asing dan mengatasi isu tahap gaji rendah dalam kalangan golongan muda adalah beberapa perkara dapat diselesaikan melalui TVET.

Akhirnya, hanya dengan pelaksanaan efektif serta sistem pemantauan berkesan dapat memastikan Belanjawan 2026 membina tapak kukuh menerokai ekonomi masa hadapan yang menjanjikan pelbagai peluang baharu kepada seluruh rakyat.

